

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 9 ISSUE 1 2024

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University Of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PENGARUH ILMU TAFSIR DI YAMAN DALAM
TARJUMĀN AL-MUSTAFĪD KARYA SHAYKH
‘ABDUL RA‘ŪF IBN ‘ALĪ AL-FANŞŪRĪ AL-
SINGKILĪ

Influence of Yaman's Science of Tafsir in *Tarjumān al-Mustafīd* by Shaykh
‘Abdul Ra‘ūf Ibn ‘Alī al-Fanşūrī al-Singkilī

Ahmad Safwan Raihan^{1*}, Wan Nasyrudin Wan Abdullah² & Ahmad Azlan Raihan³

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

²Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

³Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Malaysia

*Corresponding author email: p117179@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2024-0901-03>

Article history

Received:
18/03/2024

Revised:
26/03/2024

Accepted:
11/04/2024

Published:
30/06/2024

Abstrak

Tarjumān al-Mustafīd adalah karya tafsir yang lengkap dan pertama di Alam Melayu yang menggunakan Tulisan Jawi sebagai medium penulisan. Karya ini dikarang oleh Shaykh ‘Abdul Ra‘ūf bin ‘Alī al-Fanşūrī al-Singkilī. Beliau adalah mufti Kerajaan Aceh Darussalam yang berkelana selama 19 tahun di luar Aceh termasuk di Yaman untuk mendalami pelbagai disiplin ilmu, antaranya ilmu tafsir. Analisis terhadap *Tarjumān al-Mustafīd* menemukan ciri-ciri utama karya ini, antaranya adalah menghuraikan tafsiran ayat-ayat suci al-Qur`ān berdasarkan tujuh rujukan karya tafsir yang muktabar, iaitu Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḏāwī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Tha`labī, Tafsīr al-Ṭabarī dan Tafsīr al-Kalbī, menukulkan kelebihan surah-surah tertentu di dalam al-Qur`ān dari karya Imām al-Ja`far al-Şādiq, iaitu *Manāfi` al-Qur`ān* dan menukulkan perbezaan bacaan Qirā`āt antara Ḥafş, Qālūn dan Dūrī. Justeru, kajian ini menganalisis dokumen-dokumen berkaitan rehlah pendidikan Shaykh ‘Abdul Ra‘ūf bin ‘Alī al-Fanşūrī al-Singkilī di Yaman untuk mengenalpasti pengaruh perkembangan ilmu tafsir di Yaman terhadap karya *Tarjumān al-Mustafīd*. Analisis terhadap tokoh-tokoh tafsir di Yaman, pusat pendidikan di Yaman dan juga karya-karya tafsir di Yaman dilakukan bagi mencari titik pengaruh perkembangan ilmu tafsir di Yaman terhadap penulisan *Tarjumān al-Mustafīd*. Hasil kajian menemukan tokoh-tokoh tafsir yang berhijrah dari Madinah ke Yaman yang berketurunan daripada susur galur Nabi Muhammad *Ṣallallah`alayh wa Sallam* (SAW) yang membentuk pusat pendidikan di Yaman serta menggunakan beberapa karya tafsir yang muktabar sebagai silibus di Yaman telah mempengaruhi penulisan *Tarjumān al-Mustafīd*.

Kata Kunci: *Tarjumān al-Mustafīd*, Shaykh ‘Abdul Ra‘ūf bin ‘Alī al-Fanşūrī al-Singkilī, Tafsir, Yaman

Abstract

Tarjuman al-Mustafid is the first complete work of tafsir in the Malay world to use Tulisan Jawi as a writing medium. This work was composed by Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, who served as the Mufti of Kerajaan Aceh Darussalam. He traveled for 19 years outside Aceh, including in Yemen, to study various disciplines, including Quranic interpretation. Analysis of *Tarjuman al-Mustafid* reveals that one of its main characteristics is its description of the interpretation of Quranic verses based on seven authoritative works: Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḍāwī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Tha‘labī, Tafsīr al-Ṭabarī, and Tafsīr al-Kalbī. It also cites the virtues of certain Quranic chapters from the works of Imam al-Ja‘far al-Ṣādiq, particularly *Manāfi‘ al-Qurān*, and discusses differences in Qirāat readings such as Ḥafṣ, Qālūn, and Dūrī. This study aims to analyze documents related to Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī’s education in Yemen to identify the influence of Yemeni Quranic interpretation developments on *Tarjuman al-Mustafid*. It examines prominent figures in Quranic interpretation in Yemen, educational centers, and tafsir works used as syllabi, demonstrating their impact on Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī’s work. The study reveals that figures migrating from Medina to Yemen, with lineage traced to Prophet Muhammad S.A.W., established educational centers and incorporated authoritative tafsir works, significantly influencing *Tarjuman al-Mustafid*.

Keywords: Tarjuman al-Mustafid, Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, Interpretation, Yaman

PENGENALAN

Perkataan tafsir adalah perkataan yang berasal dari Bahasa Arab. Perkataan ini secara etimologi, diambil dari kata timbangan “*fassara – yufassiru – tafsira*” yang bermaksud keterangan atau huraian. Perkataan tafsir dari segi bahasa adalah bermaksud perbuatan menerangkan sesuatu secara jelas dan terang menggunakan beberapa sumber yang dinyatakan secara tepat dan menyingkap keperluan makna-makna istilah di dalam al-Qur`ān (al-Ḍahḥāk 1419H).

Menurut kamus *Lisān al-‘Arab* (1414H) pula, perkataan tafsir membawa maksud menyingkap sesuatu yang terselindung untuk mendapatkan makna yang jelas dan nyata bagi sesuatu perkataan di dalam al-Qur`ān. *Kamus al-Muḥit* (1998) pula menyatakan bahawa perkataan tafsir bermaksud menyingkap sesuatu keperluan berkaitan makna sesuatu perkataan di dalam al-Qur`ān. Selain itu, perkataan tafsir juga membawa maksud menjelaskan, menyingkap dan menampakkan atau menerangkan makna yang abstrak, menjelaskan atau menyingkap yang tertutup dan menyingkapkan maksud sesuatu lafaz yang musykil dan sulit (Rosihan Anwar 2008). Menurut *Kamus Dewan* (2005) pula, perkataan tafsir membawa maksud kupasan dan ulasan terhadap ayat-ayat suci al-Qur`ān menggunakan bahasa yang lain.

Perkataan tafsir dari segi istilah pula adalah bermaksud suatu ilmu yang membincangkan tentang beberapa perkara berkaitan lafaz al-Qur`ān, antaranya perbezaan menyebut lafaz-lafaz tertentu mengikut kaedah Qirā`āt, hukum-hukum syarak dan juga kemuktamadan sesuatu berkaitan sebab turun ayat al-Qur`ān, pemansukhan ayat al-Qur`ān dan sebagainya (Muḥammad bin Yūsuf 2010). Tafsir juga memberikan kefahaman kepada orang awam tentang kajian hal-ehwal berkaitan al-Qur`ān bersumberkan dalil-dalil dari Allah S.W.T. dan Nabi Muhammad S.A.W. dengan kadar kemampuan seorang manusia biasa (Muḥammad ‘Abdul ‘Azīm t.th). Ilmu tafsir juga didefinisikan sebagai ilmu yang memberikan kefahaman kepada manusia terhadap kitab al-Qur`ān yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W., dari segi makna dan mengeluarkan hukum hakam darinya (Muḥammad bin ‘Abdullāh 1957).

Selain itu, ilmu tafsir juga memberikan kefahaman dan pengetahuan berkaitan hal ehwal al-Qur`ān dari segi penurunannya, jalur periwayatan, cara membaca lafaz al-Qur`ān dengan tepat, dan juga cara menyebut perkataan-perkataan tertentu seusia dengan kaedah mengeluarkan hukum dari perkataan tersebut (Muhammad ‘Abdul ‘Azīm t.th). Menurut Imām al-Suyūṭī pula, ilmu tafsir adalah ilmu yang membincangkan secara mendalam tentang penurunan ayat-ayat al-Qur`ān, keadaan penurunan ayat-ayat al-Qur`ān, kisah-kisah berkaitan, petunjuk atau pedoman dari ayat-ayat al-Qur`ān yang diturunkan, tertib ayat-ayat al-Qur`ān sama ada diturunkan di Mekah atau di Madinah, ayat-ayat muḥkamāt dan ayat-ayat mutashābihāt, ayat-ayat yang dinasakhkan dan ayat-ayat yang mengganti ayat-ayat yang telah dinasakhkan serta ibrah atau pengajaran yang diperolehi daripada ayat-ayat al-Qur`ān yang diturunkan (Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī t.th).

Namun begitu, Imām al-Sha‘rāwī (1971) menyatakan bahawa ilmu tafsir adalah salah satu mukjizat al-Qur`ān itu sendiri. Hal ini kerana ilmu tafsir adalah peninggalan Rasulullah S.A.W. Walaupun Rasulullah S.A.W. telah mentafsirkan ayat-ayat al-Qur`ān yang turun semasa kehidupan Baginda, namun perkembangan ilmu tafsir selepas kewafatan Baginda memberikan peluang kepada cendekiawan Islam yang berautoriti untuk memberikan tafsiran kepada ayat-ayat suci al-Qur`ān sesuai dengan perkembangan ilmu yang berkaitan, seperti ilmu Fiqah, ilmu Qirā`āt, ilmu tatabahasa Bahasa Arab, ilmu Hadis dan lain-lain ilmu yang terkait secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan tafsiran kepada ayat-ayat suci al-Qur`ān.

Perbincangan berkaitan ilmu tafsir semasa zaman kehidupan Rasulullah S.A.W. tidak banyak diperkatakan. Hal ini kerana pergaulan para sahabat dan ahli keluar baginda secara langsung dengan Baginda, juga keperibadian Baginda S.A.W. diteliti dan dipelajari sebagai tafsir terhadap ayat-ayat al-Qur`ān yang diwahyukan. Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W., antara sahabat Baginda S.A.W. yang diperakui mempunyai autoriti atau kebenaran untuk mengajarkan ilmu tafsir kepada kaum Muslimin, ialah Saydinā Abū Bakr R.A., Saydinā ‘Umar al-Khaṭṭāb R.A., Saydinā ‘Uthmān bin ‘Affān R.A., Saydinā ‘Alī bin Abī Ṭālib R.A., Zayd bin Thābit R.A., Abu Mūsā al-‘Ash‘arī R.A. dan ‘Abdullah bin Zubayr R.A., Ibn ‘Abbās R.A., Ubay bin Ka‘b R.A. dan ‘Abdullah bin Mas‘ūd R.A. (Muhammad Ḥusīn al-Zahābī 1396H; Faḍl Ḥassan ‘Abbās 2016).

Walaupun terdapat ramai sahabat Nabi Muhammad S.A.W. yang mempunyai kepakaran di dalam bidang tafsir, namun hanya ‘AbdulLāh Ibn ‘Abbās R.A. sahaja sahabat yang diberikan kebenaran oleh Baginda S.A.W. untuk mencatat tafsiran yang diberi oleh Nabi Muhammad S.A.W. sebelum kewafatan Baginda. Ibn ‘Abbās R.A. yang digelar sebagai Terjemahan al-Qur`ān adalah antara sahabat yang banyak meriwayatkan tafsir al-Qur`ān daripada Nabi Muhammad S.A.W. Hal ini kerana Ibn ‘Abbās R.A. diberikan kelebihan oleh Nabi Muhammad S.A.W. seperti yang telah diriwayatkan oleh ulama-ulama hadis yang terkenal.

Setelah kewafatan Baginda S.A.W., ilmu tafsir al-Qur`ān telah berkembang mengikut zon geografi. Beberapa orang sahabat telah melanjutkan pengajaran ilmu tafsir al-Qur`ān, sama ada pengajaran tersebut kekal di Kota Madinah, atau membuka madrasah yang baru di luar Kota Madinah. Antara kawasan yang menjadi pusat penyebaran ilmu tafsir selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. selain di Madinah, adalah di Mekah dan di Kufah. Sahabat yang menyebarkan ilmu tafsir di Kota Mekah adalah Ibn ‘Abbās R.A., Ubay bin Ka‘b R.A. pula mengajar di Kota Madinah manakala ‘Abdullah bin Mas‘ūd R.A. pula telah menyebarkan ilmu tafsir di Kota Kufah.

Namun begitu, sekiranya ditelusuri sejarah perkembangan ilmu tafsir secara lebih meluas berkaitan pengaruh dan kawasan, terdapat sebuah lagi kawasan yang mempunyai madrasah-madrasah berkaitan ilmu tafsir al-Qur`ān. Madrasah ini dipelopori oleh Sayyidinā ‘Alī bin Abī Ṭālib R.A. dan beberapa orang sahabat, antaranya Sayyidinā Mu‘adh bin Jabal al-Anṣārī al-Khazrajī R.A., Abū Mūsā al-Ash‘arī R.A., ‘Akashah bin Thūr bin Aṣghar al-Asādī R.A. dan Jarīr

bin ‘AbdulLāh al-Bajālī R.A. Madrasah ini bertapak di wilayah Yaman berdasarkan perintah Rasulullah S.A.W. sebelum kewafatannya di dalam sebuah hadis:

عن علي قال: أتى النبي صلى الله عليه وسلم ناس من اليمن فقالوا: ابعث فينا من يفقهنا في الدين ويعلمنا السنن ويحكم فينا بكتاب الله فقال النبي صلى الله عليه وسلم: انطلق يا علي إلى أهل اليمن ففقههم في الدين وعلمهم السنن واحكم فيهم بكتاب الله

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Sayyidinā ‘Alī, sekumpulan penduduk Yaman telah mendatangi Rasulullah S.A.W., maka mereka berkata kepada Baginda, utuskanlah kepada kami seseorang yang faqih di dalam ilmu agama, dan orang yang mampu mengajarkan tentang sunnahmu dan juga menghukum berdasarkan apa yang terkandung di dalam al-Qur`ān. Maka Rasulullah S.A.W. bersabda: Maka bergeraklah wahai ‘Alī kepada penduduk Yaman, faqihkanlah mereka di dalam ilmu agama, dan ajarilah mereka dengan sunnah dan hukumlah mereka berdasarkan hukum-hukum al-Qur`ān (‘Alā` al-Dīn 1981).

Perkembangan ilmu tafsir pada zaman Sahabat telah memunculkan madrasah-madrasah atau pusat-pusat pengajian yang menjadi tumpuan pencinta ilmu dari segenap pelusuk dunia. Madrasah-madrasah tafsir di Madinah, Mekah, Yaman dan Kufah ini telah memunculkan generasi tabi‘īn yang mempunyai kemahiran dalam bidang ilmu tafsir. Maka bermula selepas generasi tābi‘īn ini, disiplin ilmu tafsir dikembangkan secara meluas melalui penyebaran Islam ke seluruh dunia. Tafsir itu disampaikan melalui karya tafsir, perbuatan dan tingkah laku umat Islam di mana sahaja mereka pergi dan bermastautin. Perkembangan ilmu tafsir juga tidak terhad pada kawasan timur tengah dan parsi kuno sahaja. Malah, ilmu tafsir turut berkembang sehingga ke Alam Melayu.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini akan menggunakan rekabentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis dokumen dan analisis isi kandungan bersasar. Antara dokumen yang akan dianalisis adalah *Tarjūmān al-Mustafīd* karya Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, karya-karya berkaitan perkembangan ilmu tafsir di Alam Melayu, kajian-kajian lepas berkaitan riwayat hidup Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, karya-karya berkaitan bibliografi tokoh-tokoh tafsir di Yaman, karya-karya berkaitan sejarah di Yaman, karya-karya berkaitan nasab keturunan dan juga karya-karya tafsir di Yaman. Data-data yang diperoleh akan dianalisis secara triangulasi dengan data-data yang diperoleh dari analisis isi kandungan karya tafsir pertama di Alam Melayu, iaitu *Tarjūmān al-Mustafīd* karangan Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī. Analisis data secara triangulasi ini adalah bagi menemukan titik pertemuan pengaruh ilmu tafsir di Yaman dan ciri-ciri kitab tafsir pertama di Alam Melayu karya Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, iaitu *Tarjūmān al-Mustafīd*.

Ilmu Tafsir di Alam Melayu

Penyebaran ilmu tafsir di Alam Melayu melalui kedatangan para pedagang Islam yang menghayati tafsir al-Qur`ān dalam kehidupan mereka. Komunikasi para pedagang yang menghayati tafsir al-Qur`ān ini dengan masyarakat peribumi Alam Melayu itu menyebabkan mereka tertarik untuk memeluk agama Islam (Azyumardi Azra 1995). Ajaran tafsir disampaikan secara tematik yang menyentuh persoalan kehidupan masyarakat peribumi Alam Melayu waktu itu. Ajaran tafsir bukan sahaja menyentuh tentang pegangan akidah yang benar, malah telah juga menyentuh hal-hal berkaitan hubungan sosial dan juga kehidupan seharian masyarakat Alam Melayu.

Antara hal-hal berkaitan kehidupan seharian tersebut adalah seperti kegiatan ekonomi, pegangan budaya, hubungan sosial dan juga ketaatan kepada pemerintah. Selain itu, masyarakat peribumi diajar huruf-huruf Bahasa Arab untuk mengenal pembacaan dan tafsir al-Qur`ān secara beransur-ansur dan perlahan-lahan. Sekaligus ia diajar membaca dan menulis al-Qur`ān dan tafsirnya. Para ulama yang datang bersama para pedagang Islam untuk menyebarkan Islam dan mengajarkan pelbagai ilmu termasuk tafsir al-Qur`ān kepada masyarakat peribumi yang baru memeluk agama Islam. Hal ini telah mengangkat martabat masyarakat peribumi Alam Melayu dengan menghidupkan budaya ilmu tafsir dalam kehidupan mereka. Keadaan ini telah memunculkan ramai tokoh-tokoh sarjana tafsir peribumi, antaranya Shaykh Hamzah al-Fanṣūrī dan Shaykh Shams al-Dīn al-Sumatra`i (Ismail 2006). Intipati tafsir disampaikan dalam bentuk syair oleh Shaykh Hamzah al-Fanṣūrī manakala tafsir juga turut disampaikan secara tematik melalui karya-karya Shaykh Shams al-Dīn al-Sumatra`i. Selain dua orang tokoh ini, terdapat seorang tokoh tempatan yang sangat signifikan dengan perkembangan ilmu tafsir di Alam Melayu. Tokoh ini ialah Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī.

Shaykh `Abdul Ra`uf bin `Alī Al-Fanṣūrī Al-Singkilī

Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī adalah salah seorang tokoh ulama Alam Melayu sekitar penghujung abad ke-17. Beliau dilahirkan di kota Barus, Singkil dalam wilayah Selatan Aceh pada tahun 1024 Hijrah bersamaan 1615 Masihi. Perjalanan al-Singkilī dalam menuntut ilmu di luar Aceh bermula pada tahun 1642 Masihi, iaitu setahun selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani. Negara yang dituju oleh al-Singkilī ialah negara Qatar, Yaman, Mekah dan Madinah. Beliau telah menghabiskan masa selama 19 tahun untuk menuntut ilmu di negara-negara tersebut (Mohd Syukri Yeoh 2008; Fairuzah 2002; Mohd Ariffin Ismail 1998; Azyumardi Azra 1995; Teuku Iskandar 1965; Damanhuri Basyir 2019; Muḥammad `Afif al-Dīn 2019)

Beliau menjadi Mufti Kerajaan Aceh Darussalam selama empat era pemerintahan sultanah. Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī dilantik sebagai mufti menggantikan Sayf al-Rijal pada tahun 1661 Masihi ketika pemerintahan Sultanah ke 14, iaitu Sultanah Safiyyatuddin. Beliau menjadi mufti pada zaman pemerintahan Sultanah Safiyyatuddin (1641-1675), Sultanah ke-15: Nakiyyatuddin (1675-1678), Sultanah ke-16: Zakiyyatuddin (1678-1688) dan Sultanah ke-17: Kamalat (1688-1699). Ketika menjawat jawatan Mufti Kerajaan Aceh Darussalam, Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī telah mengarang sebuah kitab tafsir yang bertajuk *Tarjumān al-Mustafid* (Arivaie Rahman 2018; Muḥammad `Afif al-Dīn 2019).

Tarjumān Al-Mustafid

Tarjumān al-Mustafid adalah tafsir berbahasa Melayu yang pertama lengkap yang di Alam Melayu yang dikarang oleh Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī pada abad ke 17 Masihi. Kitab tafsir ini mengandungi tafsiran terhadap 114 surah bermula dari surah al-Fātihah sehingga surah al-Nās. Kitab tafsir *Tarjumān al-Mustafid* yang dikarang oleh Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī ini masih boleh ditemui dalam bentuk manuskrip yang disalin oleh anak murid Shaykh `Abdul Ra`ūf bin `Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, iaitu Shaykh Aḥmad `Umar bin Haji Jalāluddin Palembang. Selain itu, naskhah *Tarjumān al-Mustafid* juga ditemui berada di dalam simpanan peribadi keluarga keturunan Shaykh Daud Fatānī di Perak. Selain itu, naskhah ini juga boleh dilihat di Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Banda Aceh, Zawiyah Tanoh Abec di Aceh, Perpustakaan Ali Hasmjy di Aceh dan Pustaka Nasional Jakarta.

Tarjumān al-Mustafid telah diajar di Rangkang, Dayah, Zawiyah, Pesantren dan pondok di seluruh Alam Melayu. Pengajaran tafsir *Tarjumān al-Mustafid* secara meluas di seluruh Aceh. Hal ini disebabkan Kerajaan Aceh Darussalam yang masyhur dan dikenali sebagai Serambi Mekah

pada masa tersebut, gelaran Serambi Mekah telah diberikan kepada Aceh kerana pada masa tersebut, Aceh telah menjadi tempat persinggahan para jemaah haji sementara menunggu pertukaran tiupan angin monsun setiap enam bulan untuk berangkat ke Mekah. Selama berada di Aceh, para jemaah Haji akan mempersiapkan diri dengan pelbagai kegiatan ilmu kefahaman Islam, antaranya ilmu hadis, ilmu feqah, ilmu Bahasa Arab, ilmu tafsir dan sebagainya. Penguasaan asas-asas ilmu ini bagi memudahkan urusan para jemaah ketika menunaikan haji di Mekah.

Selain itu, kitab *Tarjumān al-Mustafid* juga turut tersebar dalam kalangan masyarakat Melayu di Kota Mekah dan Kota Madinah melalui pengajaran kitab tersebut di ruang-ruang Masjid al-Ḥarām dan Masjid al-Nabawī. Kemasyhuran kitab *Tarjumān al-Mustafid* telah menyebabkan kitab tafsir tersebut dicetak di beberapa negara, antaranya Afrika Selatan, Singapura, Pulau Pinang, Mesir, Ḥaramayn, Turki dan India (Arivaie Rahman 2018; Muḥammad ‘Afif al-Dīn 2019).

Antara ciri-ciri yang diketengahkan oleh Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafid* adalah beliau telah merujuk kepada beberapa buah kitab tafsir yang muhtabar. Kepelbagaian rujukan Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafid* menunjukkan penguasaan ilmu yang luas dan tinggi. Penguasaan ilmu yang berjaya dikumpulkan semasa fasa rehlah pendidikannya selama 19 tahun di luar Aceh Darussalam. Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī telah merujuk kepada tujuh buah tafsir yang utama, iaitu *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Bayḍawī*, *Tafsīr al-Tha‘labī*, *Tafsīr al-Jalālayn*, *Tafsīr al-Baghawī*, *Tafsīr al-Ṭabarī* dan *Tafsīr al-Kalbī*. Selain itu beliau juga telah menjadikan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* karya Imām al-Bukhārī dan *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn* karya Imām al-Ḥākim sebagai rujukan di dalam *Tarjumān al-Mustafid*.

Selain itu, terdapat sebuah kitab bukan tafsir yang dirujuk oleh Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī di dalam *Tarjumān al-Mustafid*. Kitab tersebut ialah *Manāfi‘ al-Qur’ān* yang dinisbahkan kepada Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq, keturunan ke-6 dari susur galur Rasulullah SAW. Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī telah merujuk kitab ini di dalam beberapa halaman terutama pada permulaan Surah-surah al-Qur’ān yang membincangkan tentang kelebihan-kelebihan membaca Surah-surah al-Qur’ān tersebut. Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī telah menukikan perbincangan berkaitan perbezaan bacaan Qirā‘āt di dalam *Tarjumān al-Mustafid*. Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī menukikan perbezaan bacaan antara tiga orang tokoh ulama Qirā‘āt, iaitu Qālūn anak murid kepada Nāfi‘, Dūrī anak murid kepada Abū ‘Amr dan Ḥafṣ anak murid kepada ‘Āṣim. Perbezaan bacaan Qirā‘āt ini mencakupi bab *Uṣūl Qirā‘āt* dan *Farsh al-Ḥurūf*.

Analisis dokumen akan dilakukan bagi mencari data-data berkaitan perkembangan ilmu tafsir di Yaman yang boleh mempengaruhi ciri-ciri penulisan *Tarjumān al-Mustafid* oleh Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī. Pengaruh tersebut berasal dari tokoh-tokoh ilmu tafsir di Yaman, Pusat Pendidikan di Yaman dan penggunaan karya-karya tafsir sebagai silibus di pusat Pendidikan di Yaman.

Tokoh Tafsir di Yaman

Perkembangan ilmu tafsir di Yaman pada masa tāb‘īn adalah legasi yang ditinggalkan oleh perwakilan-perwakilan ahli Yaman yang bertemu dengan Rasulullah S.A.W. (‘Alī bin Ḥassān 1436H; Ibn al-Athīr t.th; Ibrāhīm Aḥmad al-Muqḥafi 1985; Ismā‘il bin ‘Alī al-Akwa‘ 1405H; Ibn Sa‘ad t.th; Aḥmad Ḥusayn Sharf al-Dīn 1400H; ‘Āḍil Nuwayhid 1988). Terdapat juga dalam kalangan mereka hidup sezaman dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq. Menurut ‘Alī bin Ḥassān (1436H) Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1325H; 1395H), Muḥammad bin ‘Uthmān (1367H), ‘Umar bin

‘Alī (1957) dan Muḥammad bin ‘Uthmān (1392H), antara para tabi‘īn yang berasal dari Yaman dan menguasai ilmu tafsir secara langsung dari para sahabat, antaranya Ka‘ab bin Māta‘ bin Dhī Hajn al-Ḥimyārī, Abū Muslim al-Khawlānī al-Yamanī al-Zāhid, ‘Amrū bin Maymūn al-Awdī atau digelar Abū ‘AbdulLāh, Ibn ‘Alī bin ‘Umar bin Ḥanzalah al-Ṣan‘ānī, Ṭāwūs bin Kaysān, Wahb bin Munabbih bin Shaykh bin Dhī Kibār al-Yamanī al-Ṣan‘ānī al-Abnāwī, Ḥujr bin Qīs al-Hamdānī al-Madarī al-Yamanī, Abū Khalīfah al-Qārī al-Ṭā‘ī al-Baṣrī, Abū al-Ash‘ath al-Ṣan‘ānī, Al-Mughīrah bin Ḥakīm al-Ṣan‘ānī al-Abnāwī, Hishām bin Yūsuf al-Ṣan‘ānī, ‘AbdulLāh bin Ṭāwūs bin Kaysān al-Yamanī, Semua tokoh ini hidup sezaman dengan Imām Ja‘far al-Ṣādiq. Terdapat salah seorang dari tabi‘īn Yaman adalah anak murid kepada Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq, iaitu Sufyān bin Sa‘īd bin Masrūq al-Thawrī atau terkenal dengan gelaran Abū ‘AbdulLāh dan al-Thawrī (‘Iyād bin Mūsā 1998; Muḥammad al-Amīn 2018).

Jadual di bawah adalah ringkasan kepada analisis terhadap tokoh-tokoh tafsir generasi tabi‘īn di Yaman. Analisis ini berfokus kepada tahun kewafatan tokoh, rehlah pendidikan tokoh di Kota Madinah, hidup sezaman dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq dan berguru dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq. Kriteria ini antara faktor menyumbang kepada penyebaran pengaruh Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq di Yaman.

Nama Tokoh	Tahun Wafat	Rehlah ke Madinah	Sezaman dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq	Berguru dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq
1. Ka‘ab bin Māta‘ bin Dhī Hajn al-Ḥimyārī	32H	√	-	-
2. Abū Muslim al-Khawlānī al-Yamanī al-Zāhid	62H	√	-	-
3. ‘Amrū bin Maymūn al-Awdī	85H	√	-	-
4. Ibn ‘Alī bin ‘Umar bin Ḥanzalah al-Ṣan‘ānī	100H	√	√	-
5. Dhakwān bin Kaysān al-Hamadhānī	106H	√	√	-
6. Wahb bin Munabbih bin Shaykh bin Dhī Kibār	110H	√	√	-
7. Sufyān bin Sa‘īd bin Masrūq al-Thawrī	161H	√	√	√
8. Ḥujr bin Qīs al-Hamdānī al-Madarī al-Yamanī	-	√	-	-
9. Abū Khalīfah al-Qārī al-Ṭā‘ī al-Baṣrī	-	√	√	-
10. Abū al-Ash‘ath al-Ṣan‘ānī	-	√	√	-
11. Al-Mughīrah bin Ḥakīm al-Ṣan‘ānī al-Abnāwī	-	√	√	-
12. ‘AbdulLāh bin Ṭāwūs bin Kaysān al-Yamanī	132H	√	√	-
13. Al-Ḥakam bin Abbān Abū ‘Īsā al-‘Adanī	154H	√	√	-

Jadual 1: Analisis tokoh tafsir zaman tabi‘īn di Yaman

Selepas kurun ke-3 hijrah, telah berlaku penghijrahan tokoh-tokoh tafsir berketurunan Rasulullah S.A.W. dan seterusnya berkembang generasi ke generasi di Yaman. Kelompok ini berhijrah dari Madinah ke Yaman dengan membawa khazanah-khazanah ilmu. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah: Yaḥyā bin al-Ḥusayn bin al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Ḥasanī al-‘Alawī al-Rassī, AbdulLāh bin al-Ḥusayn bin al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Ḥasanī al-‘Alawī al-Rassī adalah saudara kandung kepada Yaḥyā bin Ḥusayn, Abū al-Qāsim Muḥammad bin Yaḥyā bin al-Ḥusayn bin al-Qāsim bin Ibrāhīm bin Ismā‘īl al-Ḥasanī al-Hāshimī, Aḥmad bin ‘Īsā bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ja‘far bin Muḥammad al-Bāqir bin ‘Alī Zayn al-‘Abidīn bin al-Ḥusayn bin ‘Alī bin Abī Ṭālib, al-Imām al-Manṣūr bilLāh al-Qāsim bin Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī bin al-Rashīd. ‘AbdulLāh bin Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥasan Bā‘lawī (‘Āḍil Nuwayhid 1988; Walīd bin Aḥmad et al. 2003).

Golongan ini bukan sahaja mengajar, malah mereka mengarang beberapa karya untuk menjadi rujukan pencinta ilmu di Yaman. Pengaruh ilmu terutama dari Madinah, tempat Imām al-Ja'far al-Šādiq mencurahkan ilmu akan tersebar dalam kalangan penuntut ilmu yang berada di Yaman. Ilmu ini akan tersebar sama ada dalam bentuk perkongsian ilmu secara bertalaqi, perkongsian ilmu secara perbincangan, perkongsian ilmu melalui nota-nota atau helaian-helaian yang seterusnya menjadi khazanah simpanan di madrasah-madrasah di Yaman. Bahan-bahan ini akan menjadi rujukan kepada mereka yang berhijrah ke Yaman dan juga diwarisi oleh generasi seterusnya di Yaman selain golongan yang mendapat pendidikan di Yaman seperti Shaykh 'Abdul Ra'uf bin 'Alī al-Fanšūrī al-Singkilī. Hal ini menjadi antara sebab Shaykh 'Abdul Ra'uf bin 'Alī al-Fanšūrī al-Singkilī merujuk kepada Manāfi' al-Qur`ān karya Imām al-Ja'far al-Šādiq.

Pusat Pendidikan di Yaman

Menurus kajian al-Qāḍī Ismā'īl al-Akwa' (1980), madrasah-madrasah di sekitar Yaman berkembang pesat bermula kurun ke-6 Hijrah. Terdapat sekitar 165 madrasah atau pusat pendidikan yang telah direkodkan. Madrasah-madrasah atau pusat pendidikan ini dibina di 'Ibb, Zabīd, di Aden di Ta'izz, di Dhī Jiblah, 'Adan, al-Janad, Bayt al-Faqīh, Kuḥlān 'Affār, Tarīm dan sekitarnya (Ismā'īl bin 'Alī al-Akwa' 1980; Muḥammad bin Yūsuf 1993; Aḥmad bin Šāliḥ 2004; Yahyā bin al-Ḥusayn 1355H; 'Alī bin al-Ḥasan al-Khazrajī 1329H).

Antara madrasah yang signifikan dengan rehlah Shaykh 'Abdul Ra'uf bin 'Alī al-Fanšūrī al-Singkilī di Yaman adalah Madrasah al-Asadīyyah yang dibina di daerah 'Ibb. Madrasah ini telah dibina oleh Asad al-Dīn Muḥammad ibn al-Amīr Badr al-Dīn al-Ḥassan bin 'Alī bin Rasūl. Madrasah ini diberi nama Madrasah al-Asadīyyah. Madrasah ini sangat signifikan dengan amalan bertalaqi al-Qur`ān menggunakan jalur sanad bacaan Imām Ḥafṣ, anak murid kepada Imām 'Āṣim. Antara tenaga pengajar di madrasah ini yang alim dalam ilmu Qirā'āt adalah 'Uthmān bin 'Umar bin Abī Bakr al-Nāshirī. Beliau telah mengarang beberapa karya berkaitan ilmu Qirā'āt, antaranya Dur al-Nāẓim fi Riwayah Ḥafṣ 'an 'Āṣim dan al-Hidāyah ilā Taḥqīq al-Riwayah Qālūn wa al-Dūrī al-Kabīr.

Selain itu, terdapat sebuah madrasah yang dibina di Zabīd yang bernama Madrasah al-Tājīyyah li al-Qurrā' wa Ahl al-Ḥadīth. Madrasah ini dibina oleh Tāj al-Dīn al-Ṭawāshī Badr bin 'AbdulLāh al-Muzaffarī. madrasah ini adalah pusat pengajian ilmu Qirā'āt. Antara tenaga pengajar yang terkenal pakar dalam ilmu Qirā'āt di madrasah ini ialah Yūsuf bin Muḥammad bin 'Alī. Apa yang menarik tentang tenaga pengajar ini adalah nasab keturunan beliau bertemu dengan Rasulullah S.A.W. melalui jalur Imām al-Ja'far al-Šādiq. Anak beliau, iaitu Muḥammad bin Yūsuf juga salah seorang tenaga pengajar di madrasah ini yang mempunyai kepakaran dalam bidang Qirā'āt (Ismā'īl bin 'Alī al-Akwa' 1980; Muḥammad bin Yūsuf 1995; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī t.th; Aḥmad bin Muḥammad 1971).

Di Zabīd juga terdapat sebuah pusat pendidikan yang menjadikan ilmu tasawuf sebagai salah satu silibus utama. Pusat pendidikan ini diberi nama al-Madrasah al-Muzjājāh. Al-Madrasah al-Muzjājāh dibina oleh al-Shaykh Muḥammad bin Muḥammad bin Abī al-Qāsim al-Muzjājī. Beliau adalah seorang yang alim dalam pelbagai disiplin ilmu. al-Muzjājī adalah gelaran sempena nama tempat al-Muzjāj yang terletak di Zabīd. al-Muzjājī juga adalah gelaran kepada beberapa orang tokoh yang menjadi guru dan pembimbing kepada Shaykh 'Abdul Ra'uf bin 'Alī al-Fanšūrī al-Singkilī semasa berada di Yaman, antaranya ialah:

- i. Shaykh Muḥammad 'Abd al-Bāqī al-Muzjājī.
- ii. Shaykh Amīn al-Šiddīqī al-Muzjājī.

Terdapat sebuah pusat pendidikan di bandar Zabīd yang sangat signifikan dengan tarbiyah dan rehlah pendidikan Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī. Pusat pendidikan ini diberi nama Madrasah al-Ja‘āminah. Walaupun bangunan asal pusat pendidikan ini tidak dapat lagi dilihat, namun kesannya sangat mendalam terhadap Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī. Madrasah al-Ja‘āminah ini dibina oleh seorang yang sangat alim, al-Faqīh Aḥmad bin Qāsim Ja‘mān. Ja‘mān adalah gelaran sempena nama tempat di Yaman, iaitu Ja‘man. Terdapat beberapa orang guru Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī yang berasal dari Ja‘mān, iaitu:

- i. Ibrāhīm bin ‘Abdullāh bin Ja‘mān.
- ii. Ishāq bin Muḥammad bin Ja‘mān.
- iii. Ibrāhīm bin Muḥammad Ja‘mān.
- iv. al-Ṭayyīb bin Abī al-Qāsim bin Ja‘mān
- v. Muḥammad bin Ja‘mān

Jika ditelusuri data-data yang diperoleh berkaitan pusat pendidikan di Yaman, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ulama-ulama Yaman atau ulama-ulama luar yang menuntut ilmu di Yaman akan terkesan dan dipengaruhi oleh suasana ilmu di Yaman secara langsung mahupun tidak langsung. Sistem talaqī yang diamalkan oleh madrasah-madrasah di Yaman, juga perkongsian ilmu dalam kalangan ulama-ulama di Yaman melalui perbincangan ilmiah menjadikan ilmu dipindahkan secara langsung dan tidak langsung. Manakala silibus-silibus utama yang digunakan di madrasah-madrasah adalah karya-karya tafsir yang muktabar menjadikan pemindahan ilmu berlaku secara langsung dan secara bertalaqī.

Karya Tafsir di Yaman

Penulisan karya tafsir di Yaman ini dilihat bermula sekitar tahun 190 Hijrah oleh Abī ‘Abdullāh bin Thūr al-Ṣan‘ānī al-Yamanī (W190H) dan Abī Muḥammad Mūsā bin ‘Abd al-Raḥmān al-Thaqafī al-Ṣan‘ānī yang mengarang kitab tafsir berjudul Tafsīr al-Qur`ān. Penulisan karya tafsir terus berkembang sehinggalah kitab tafsir yang terakhir direkodkan telah ditulis oleh Aḥmad Muqayrī bin Aḥmad Ḥusayn yang wafat pada tahun 1390 Hijrah (‘Alī bin Ḥassān 1436H). Terdapat juga beberapa tafsir yang telah direkodkan, namun manaqib penulisnya tidak ditemui dan tidak dinyatakan di dalam penulisan berkaitan mufassirin di Yaman. Karya-karya ini juga telah menjadi silibus utama di pusat-pusat pengajian di Yaman (‘Alī bin Ḥassān 1436H).

Antara karya tafsir menurut Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (t.th; 1396H), Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (1400H), ‘Alī bin Ḥassān (1436H) dan Muḥammad bin Aḥmad bin al-Kalbī (1995) yang menjadi ikutan dan panduan serta dipelajari secara menyeluruh di Yaman antaranya:

- i. *Tafsīr al-Qur`ān* karya Abī ‘Abdullāh bin Thūr al-Ṣan‘ānī al-Yamanī (W190H).
- ii. *Tafsīr al-Qur`ān* karya Abī Muḥammad Mūsā bin ‘Abd al-Raḥmān al-Thaqafī al-Ṣan‘ānī (W190H).
- iii. *Tafsīr al-Qur`ān* karya ‘Abd al-Razzāq bin Hammām al-Ṣan‘ānī (W211H).
- iv. *Tafsīr al-Qur`ān* karya al-Qāsim bin Ibrāhīm bin Ismā‘īl al-Rassī (W246H).
- v. *Tafsīr al-Qur`ān al-Karīm* karya Yaḥyā bin al-Ḥusayn bin al-Qāsim al-Hādī ilā al-Ḥaqq (W298H).
- vi. *Al-Sharḥ wa al-Bayān fī Tafsīr al-Qur`ān* karya Muḥammad bin Yaḥyā bin al-Ḥusayn bin al-Qāsim (W310H).

- vii. *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Ayy al-Qur'an* karya Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (W310H).
- viii. *Al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'an* karya Ahmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha'labī (W427H).
- ix. *Al-Burbān fī Tafsīr al-Qur'an* karya al-Nāṣir bin al-Ḥusayn al-Daylamī (W440H).
- x. *al-Nūr al-Sāṭi' fī al-Layl al-Bahīm fī Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* karya 'Alī bin Muḥammad bin Sulaymān bin Abī al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Rassī (W500H).
- xi. *Ma'ālim al-Tanzīl* karya al-Ḥusayn bin Mas'ūd bin Muḥammad al-Baghawī (W520H).
- xii. *Al-Bayān fī al-Tafsīr* karya 'Aṭīyyah bin Maḥyī al-Dīn bin Muḥammad al-Ṣa'adī (W665H).
- xiii. *Tafsīr al-Qur'an al-Karīm* karya al-Ḥasan bin Abī al-Baqā' bin Ṣāliḥ (W679H).
- xiv. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* karya Nāsir al-Dīn al-Bayḍāwī (W685H).
- xv. *Al-Manhaj al-Qawīm fī Tafsīr al-Qur'an al-Karīm* karya 'Alī bin Muḥammad al-Binā' al-Ṣabāḥī (W710H).
- xvi. *Al-Rawḍah wa al-Ghadir fī Bayān ma Taḥtāj al-Āyāt al-Shar'yyah min al-Tafsīr* karya 'Izz al-Dīn Muḥammad bin al-Ḥādī bin Aḥmad bin Muḥammad al-Ḥasanī al-Yaḥyawī (W720H).
- xvii. *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'ānī al-Tanzīl* karya 'Alā' al-Dīn al-Khāzin (W741H).
- xviii. *Kitāb al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl* karya Muḥammad bin Aḥmad bin Juzay al-Kalbī (W741H).
- xix. *Kashf al-Tanzīl fī Taḥqīq al-Mabāḥith wa al-Ta'wīl* karya Ridā' al-Dīn Abū Bakr bin 'Alī bin Muḥammad al-'Ibādī al-Ḥaddād (W800H).
- xx. *Al-Jawhar al-Shafāf al-Multaqī min Maghāṣat al-Kashāf* karya 'AbdulLāh bin al-Hādī bin Yaḥyā bin Ḥamzah al-Mu'ayyad bilLāh (W810H).
- xxi. *Taysīr al-Bayān li Ahkām al-Qur'an* karya Muḥammad bin Nur al-Dīn 'Alī bin 'AbdulLāh bin al-Mawza'ī (W825H).
- xxii. *Tafsīr al-Qur'an* karya Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Abī al-Qāsim (W837H).
- xxiii. *Ḥaṣr Āyāt al-Ahkām* karya 'Izz al-Dīn Abū 'AbdulLāh Muḥammad bin Ibrāhīm bin 'Alī (W840H).
- xxiv. *Tafsīr al-Jalālayn* karya Imām Jalāl al-Dīn al-Maḥallī (w864H) dan Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (W911H).

Setelah menelusuri karya-karya tafsir yang telah dinyatakan, dapatlah dinyatakan bahwa karya-karya tafsir ini dikarang oleh beberapa kelompok. Antaranya kelompok Ahlul Bayt, yaitu tokoh-tokoh yang mempunyai susur galur keturunan bertemu dengan Rasulullah SAW. Selain itu, terdapat beberapa karya yang dikarang oleh ulama tafsir yang terkenal. Daripada senarai karya tafsir yang menjadi silibus pusat-pusat pendidikan di Yaman seperti yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa karya telah menjadi rujukan Shaykh 'Abdul Ra'ūf bin 'Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafid*. Antara karya yang telah menjadi rujukan al-Singkilī ketika mengarang *Tarjumān al-Mustafid* adalah *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Ayy al-Qur'an* karya Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (W310H), *Al-Kashf wa al-Bayān 'an Tafsīr al-Qur'an* karya Ahmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha'labī (W427H), *Ma'ālim al-Tanzīl* karya al-Ḥusayn bin Mas'ūd bin Muḥammad al-Baghawī (W520H), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* karya Nāsir al-Dīn al-Bayḍāwī (W685H), *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'ānī al-Tanzīl* karya 'Alā' al-Dīn al-Khāzin (W741H), *Kitāb al-Tashīl li 'Ulūm al-Tanzīl* karya Muḥammad bin Aḥmad bin Juzay al-Kalbī (W741H) dan *Tafsīr al-Jalālayn* karya Imām Jalāl al-Dīn al-Maḥallī (W864H) dan Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (W911H). Data ini jelas menunjukkan pengaruh silibus tafsir madrasah-madrasah di Yaman terhadap penulisan *Tarjumān al-Mustafid*.

Proses analisis dokumen yang dilakukan terhadap karya-karya tafsir yang telah dirujuk oleh Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī di dalam *Tarjumān al-Mustafīd*, telah menemukan bahawa terdapat empat karya tafsir yang digunakan untuk menukulkan kelebihan surah-surah tertentu di dalam al-Qur`ān. Karya tersebut adalah al-*Kashf wa al-Bayān ‘an Tafsīr al-Qur`ān* karya Ahmad bin Muḥammad bin Ibrahīm al-Tha`labī (W427H), *Ma`ālim al-Tanzīl* karya al-Ḥusayn bin Mas`ūd bin Muḥammad al-Baghawī (W520H), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta`wīl* karya Nāsir al-Dīn al-Bayḍāwī (W685H) dan *Lubāb al-Ta`wīl fī Ma`ānī al-Tanzīl* karya ‘Alā` al-Dīn al-Khāzin (W741H).

Tafsīr Rujukan Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī di dalam Tarjumān al-Mustafīd	Menukulkan Kelebihan Surah di dalam al-Qur`ān
1. <i>Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta`wīl Ayy al-Qur`ān</i> karya Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (W310H)	-
2. <i>al-Kashf wa al-Bayān ‘an Tafsīr al-Qur`ān</i> karya Ahmad bin Muḥammad bin Ibrahīm al-Tha`labī (W427H)	√
3. <i>Ma`ālim al-Tanzīl</i> karya al-Ḥusayn bin Mas`ūd bin Muḥammad al-Baghawī (W520H)	√
4. <i>Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta`wīl</i> karya Nāsir al-Dīn al-Bayḍāwī (W685H)	√
5. <i>Lubāb al-Ta`wīl fī Ma`ānī al-Tanzīl</i> karya ‘Alā` al-Dīn al-Khāzin (W741H)	√
6. <i>al-Tashīl li ‘Ulūm al-Tanzīl</i> karya Muḥammad bin Aḥmad bin Juzay al-Kalbī (W741H)	-
7. <i>Tafsīr al-Jalālayn</i> karya Imām Jalāl al-Dīn al-Maḥallī (W864H) dan Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (W911H)	-

Jadual 2: Rujukan Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī dalam menukulkan kelebihan surah-surah

Jadual 2 di atas menunjukkan analisis terhadap karya tafsir yang menjadi rujukan Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī di dalam *Tarjumān al-Mustafīd*. Secara keseluruhan, dapatlah dinyatakan bahawa silibus tafsir yang digunakan oleh madrasah-madrasah di Yaman telah mempengaruhi penulisan al-Singkilī. Salah satu ciri utama karya tafsir di Yaman adalah menukulkan kelebihan surah-surah tertentu di dalam al-Qur`ān. Maka disebabkan inilah, al-Singkilī telah menukulkan beberapa kelebihan surah-surah tertentu di dalam al-Qur`ān dan menukulkannya daripada *Manāfi‘ al-Qur`ān* karya Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq.

KESIMPULAN

Ciri-ciri yang diketengahkan oleh Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī di dalam penulisan *Tarjumān al-Mustafīd*, iaitu menukulkan kelebihan surah-surah tertentu di dalam al-Qur`ān daripada *Manāfi‘ al-Qur`ān* karya Imām Ja‘far al-Ṣādiq, merujuk kepada tujuh buah tafsir yang muktabar dan menukulkan perbincangan berkaitan perbezaan bacaan Qirā`āt adalah kesan atau pengaruh rehlah Pendidikan beliau di Yaman. Penyebaran pengaruh Imām Ja‘far al-Ṣādiq ke Yaman melalui dua bentuk, pertama melalui tābī`īn Yaman yang berguru dengan beliau seperti Sufyān bin Sa‘īd al-Tahwrī dan kedua melalui keturunan beliau seperti Aḥmad bin ‘Īsā, Yaḥyā bin Ḥusayn, Muḥammad bin Yūsuf yang berhijrah ke Yaman menjadikan karya beliau, iaitu *Manāfi‘ al-Qur`ān* menjadi salah satu khazanah ilmu yang tersebar melalui pusat Pendidikan di Yaman. Selain itu, penggunaan karya-karya tafsir yang muktabar sebagai silibus tafsir di Yaman seperti Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḍāwī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Tha`labī, Tafsīr al-Ṭabarī dan Tafsīr al-Kalbī telah memberikan pengaruh yang signifikan terhadap Shaykh ‘Abdul Ra’uf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī, sehingga karya-karya ini dirujuk dan dinukulkan beliau di dalam

Tarjumān al-Mustafīd. Selain itu, pengajaran ilmu Qirā`āt dan juga penggunaan karya-karya berkaitan Qirā`āt di pusat Pendidikan di Yaman telah diserlahkan oleh Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī di dalam karya beliau, iaitu *Tarjumān al-Mustafīd* dengan menukilkkan perbincangan berkaitan perbezaan bacaan Qirā`āt oleh beberapa orang Imam Qurrā` seperti Qālūn, Dūrī dan Ḥafṣ.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan pengaruh ilmu tafsir di Yaman terhadap penulisan karya *Tarjumān al-Mustafīd* oleh Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī.

Ilmu Tafsir di Yaman		Ciri-ciri Tarjumān al-Mustafīd
Tokoh tafsir tābi‘īn Yaman yang berguru dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq➔	Menukilkkan kelebihan surah-surah tertentu dari Manāfi‘ al-Qur`ān karya Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq
Tokoh tafsir tābi‘īn Yaman yang hidup sezaman dengan Imām al-Ja‘far al-Ṣādiq➔	
Ahli al-Bayt yang berhijrah ke Yaman dari Madinah➔	
Silibus ilmu Qirā`āt di pusat pendidikan di Yaman➔	Menukilkkan perbincangan berkaitan perbezaan bacaan Qirā`āt pada perkataan tertentu mengikut Imām Qālūn, Imām Dūrī dan Imām Ḥafṣ
Karya-karya tafsir muktabar yang menjadi silibus tafsir di Yaman➔	Merujuk kepada tujuh buah tafsir Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḍāwī, Tafsīr al-Jalālayn, Tafsīr al-Tha‘labī, Tafsīr al-Ṭabarī dan Tafsīr al-Kalbī
Karya-karya tafsir muktabar yang menukilkkan kelebihan surah-surah tertentu di dalam al-Qur`ān➔	Tafsīr al-Khāzin, Tafsīr al-Bayḍāwī dan Tafsīr al-Tha‘labī menjadi rujukan Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī

Jadual 3: Pengaruh ilmu tafsir di Yaman terhadap penulisan *Tarjumān al-Mustafīd*

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa rehlah Pendidikan Shaykh ‘Abdul Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī ke Yaman memberikan pengaruh yang besar kepada beliau dalam menghasilkan karya tafsir pertama di Alam Melayu. Selain itu, sebagai cadangan kajian pada masa hadapan, kajian-kajian berkaitan pengaruh geografi terhadap karya-karya tafsir Alam Melayu boleh dikembangkan untuk mendapatkan pandangan yang tepat berkaitan perkembangan sejarah penyebaran kepelbagaian disiplin ilmu berkaitan agama Islam ke Alam Melayu.

Penghargaan

Tidak berkenaan

Sumbangan Pengarang

Konseptualisasi & metodologi, semua pengarang; kesahan, Wan Nasyrudin Wan Abdullah; analisis, Ahmad Safwan Raihan & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Tidak berkenaan

Deklarasi Penggunaan AI

Tidak berkenaan

Rujukan

- ‘Abdul Raḥmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. 1396H. *Ṭabaqāt al-Mufasssirin*. Pentahkik ‘Alī Muḥammad ‘Umar. Miṣr: Maktabah Wabbah.
- ‘Āḍil Nuwayhiḍ. 1988. *Mu‘jam al-Mufasssirin (Min Ṣadr al-Islām wa Ḥattā al-‘Aṣr al-Ḥaḍīr)*. 2 Jil. Bayrūt: Muassasah Nuwayhiḍ al-Thaqāfiyyah lil Ta’līf wa al-Tarjumah wa al-Nashr.
- Aḥmad bin Muḥammad al-Maknāsī. 1971. *Durrab fī Asmā’ al-Rijāl*. Pentahkik Muḥammad al-Aḥmadī Abū al-Nūr. 3 Jil. Qāhirah: Dār al-Turāth.
- Aḥmad bin Ṣāliḥ bin Abī al-Rijāl. 2004. *Maṭla’ al-Budūr wa Majma’ al-Buḥūr*. Pentahkik ‘Abdul Raqīb Muṭṭhir. Yaman: Markaz Ahlil Bayt li al-Dirāsāt al-Islāmīyyah.
- Aḥmad Ḥusayn Sharf al-Dīn. 1400H. *Tāriḥ al-Fikr al-Islāmī fī al-Yaman: al-Zaydiyyah, al-Shāfi‘īyyah, al-Isma‘īliyyah*. Riyāḍ: Maṭābi‘ al-Riyāḍ.
- ‘Alā’ al-Dīn Ḥusām al-Dīn al-Fawrī. 1981. *Kanz al-‘Ammāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af’āl*. 16 Jil. t.tp: Muassasah al-Risālah.
- ‘Alī bin al-Ḥasan al-Khazraji. 1329H. *al-‘Uqūd al-Lu’lu’īyyah fī Tāriḥ al-Dawlah al-Rasūliyyah*. Pentahkik Muḥammad Basyūnī ‘Asal. Miṣr: Maṭba‘ah al-Hilāl.
- ‘Alī bin Ḥassān bin ‘Alī bin Ḥassān. 1436H. *al-Tafsīr fī al-Yaman ‘Arḍ wa Darāsah*. Arab Saudi: Jāmi‘ah al-Malik Su‘ūd. Arivaie Rahman. 2018. Tafsīr Tarjumān Al-Mustafīd Karya Abd Al-Rauf Al-Fanshuri, *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, (Vol. 42). No. 1. Januari – Jun: 1-20
- Azyumardi Azra. 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 dan 18*. Bandung: Percetakan Mizan.
- Damanhuri Basyir. 2019. *Kemasyhuran Syekh Abdurraif As-Singkili*. Banda Aceh: Ar-Raniry Press.
- al-Ḍaḥāk bin Mazāḥim al-Balkhī al-Hilālī. 1419H. *Tafsīr al-Ḍabāk*. Pentahkik Muhammad Syukri Ahmad al-Zawiti. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Faḍl Ḥassan ‘Abbās. 2016. *al-Tafsīr wa al-Mufasssirin*. 3 Jil. ‘Umān: Dār al-Nafā‘is.
- Fairuzah Hj. Basri. 2002. *Umdat al-Mubtājīn ila Subuk Maslak al-Mufradīn: Satu Kajian Teks*. Tesis Sarjana Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H.M. Syadli. 2000. Pendidikan Islam Di Kesultanan Aceh: Ulama, Meunasah Dan Rangkang. *Jurnal Al-Qalam* (20): 96.
- Ibn al-Athīr ‘Alī bin Muḥammad al-Jazarī. t.th. *al-Lubāb fī Tabdhīb al-Ansāb*. Baghdād: Maktabah al-Mutanabbī‘.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. 1325H. *Tabdhīb al-Tabdhīb*. India: Maṭba‘ah Majlis Dā‘irah al-Ma‘ārif al-Nizāmīyyah al-Kā‘inah.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. 1395H. *Taqrib al-Tabdhīb*. Pentahkik ‘Abdul Wahhāb bin ‘Abdul Laṭīf. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Mandhūr Muḥammad bin Mukarram. 1894. *Lisān al-‘Arab*. 15 Jil. Bayrūt: Dār Ṣādir.
- Ibn Sa‘ad. 1408H. *Ṭabaqāt al-Kubrā*. Pentahkik Muḥammad bin Sa‘ad. Qāhirah: Maktabah al-Khanījī.
- Ibrāhīm Aḥmad al-Muḥāfi. 1985. *Mu‘jam al-Madn wa al-Qaba’il al-Yamanīyyah*. Ṣan‘ā’: Dār al-Kalimah.
- Imām al-Sha‘rāwī. 1971. *Tafsīr al-Sha‘rāwī*. Qāhirah: Akhbār al-Yawm
- Ismā‘īl bin ‘Alī al-Akwa‘. 1405H. *al-Buldān al-Yamanīyyah ‘Inda Yāqūt al-Ḥamawī*. Kuwait: t.pt.
- Ismā‘īl bin ‘Alī al-Akwa‘. 1980. *al-Madarīs al-Islāmīyyah fī al-Yaman*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Ismail. 2006. Falsafah Wujudiah Hamzah Fansuri, Pemikiran Dan Pengaruhnya Di Dunia Melayu Nusantara. *Jurnal Manhaj*, (Vol 3, Isu 3).
- ‘Iyād bin Mūsā bin ‘Iyād al-Yaḥṣabīy. 1998. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim lil Qaḍī ‘Iyād al-Musammā Ikmal al-Mu‘lim bi Fawā'id Muslim*. Pentahkik Yaḥyā Ismā‘īl. 8 Jil. Miṣr: Dār al-Wafā‘.
- Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. t.th. *Bughyah al-Wu‘ah fī Ṭabaqāt al-Lughawīyyin wa al-Nuḥāb*. Pentahkik Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. 2 Jil. Lubnān: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Kafrawi Ridwan. 1993. *Ensiklopedi Islam*. Jakarta: Penerbit Ictiar Baru.
- Kamus Bahasa Melayu*. 1970. Kuala Lumpur: Penerbitan Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 1993. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syukri Yeoh. 2008. Pemikiran Dakwah Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muḥammad ‘Abdul ‘Azīm al-Zurqānī. t.th. *Manābil al-‘Urfān fī ‘Ulūm al-Qur`ān*. 2 Jil. Qāhirah: Maṭba‘ah ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shirkāh.

- Muhammad al-Amīn bin ‘AbdulLāh bin Yūsuf al-Harārī. 2018. *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*. Pentahkik Hāshim Muḥammad ‘Alī Husayn Mahdī. 26 Jil. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Muhammad Ariffin Ismail. 1998. Abd al-Rauf: Kehidupan dan Sumbangannya dalam Islamisasi Pengetahuan dan Peradaban Melayu. Forum ISTAC: al-Hikmah Menjana Akal Budi Ummat. Bil 3 PP10123/11/97, ISTAC, Kuala Lumpur.
- Muhammad bin ‘AbdulLāh al-Zarkashī. 1957. *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Pentahkik Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. 4 Jil. Qāhirah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah.
- Muhammad bin Aḥmad bin Juzay al-Kalbī. 1995. *al-Tashīl li ‘Ulūm al-Tanzīl*. Pentahkik Muḥammad Sālim Hāshim. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.
- Muhammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī. 1400H. *Sīyar A‘lām al-Nubalā’*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Muhammad bin ‘Uthmān al-Dhahabī. 1367H. *Tarikh al-Islām wa Ṭabaqāt al-Mashābir wa al-A‘lām*. Qāhirah: Maktabah al-Quds.
- Muhammad bin ‘Uthmān al-Dhahabī. 1392H. *al-Kashīf fī Ma‘rifah man labu Riwāyah fī al-Kutub al-Sittah*. Pentahkik ‘Izzāt ‘Alī ‘Ayd ‘Aṭīyyah & Mūsā Muḥammad ‘Alī al-Mūshī. Qāhirah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- Muhammad bin Ya‘qūb al-Fayrūz Ābādīy. 1998. *al-Qāmus al-Muḥīṭ*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Muhammad bin Yūsuf Abi Ḥayyān. 2010. *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Pentahkik ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. 9 Jil. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.
- Muhammad bin Yūsuf bin Ya‘qūb al-Kandī. 1993. *al-Sulūk fī Ṭabaqāt al-‘Ulamā’ wa al-Mulūk*. Pentahkik Muḥammad bin ‘Alī bin al-Ḥusayn. Ṣan‘ā’: Maktabah al-Irshād.
- Muhammad bin Yūsuf bin Ya‘qūb al-Yamanī. 1995. *al-Sulūk fī Ṭabaqāt al-‘Ulamā’ wa al-Mulūk*. 2 Jil. Yaman: Maktabah al-Irshād.
- Muhammad ‘Afif al-Dīn al-Indūnisīy. 2019. *Jam‘ al-‘Abir fī Kutub al-Tafsīr*. 2 Jil. Qāhirah: Dār Nūr al-Yaqīn.
- Muhammad Ḥusīn al-Zahabī. 1396H. *al-Tafsīr al-Mufasssīrīn*. 3 Jil. Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Muṣṭafā Muslim. 1415H. *Manābij al-Mufasssīrīn*. Riyāḍ: Dār al-Muslim.
- Peter G. Riddell. 2000. Tafsīr Klasik di Indonesia. *Mimbar Agama dan Budaya*, (Vol. 17, No. 2): 9.
- R.O. Winstedt. 1935. *A History of Malaya*. t.tp: t.pt.
- Rosihan Anwar. 2008. *Ulum al-Qur’an*. Bandung: Pustaka Setia.
- Shaykh ‘Abdul Ra’ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī. t.th. *Tarjumān al-Mustafid*. Manuskrip (MSS329), Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Teuku Iskandar. 1965. Abdurrauf Singkel: Tokoh Shattariyah (Abad ke-17). *Devan Babasa* (Jil. 9, bil 5 KDN 1158): 195.
- ‘Umar bin ‘Alī bin Samrah al-Ja’dī. 1957. *Ṭabaqāt Fuqahā’ al-Yaman*. Pentahkik Fu’ād Sayyid. Qāhirah: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadīyyah.
- Walīd bin Aḥmad al-Zubayrī & Iyyād bin ‘Abd al-Laṭīf al-Qaysī & Muṣṭafā bin Qaḥṭān al-Ḥabīb & Bashīr bin Jawād al-Qaysī & ‘Imād bin Muḥammad al-Baghdādī. 2003. *al-Mawsū‘ah al-Muyassarah fī Tarājīm A‘immah al-Tafsīr wa al-Iqrā’ wa al-Nahw wa al-Lughah*. 3 Jil. Britain: Majallah al-Ḥikmah.
- Yaḥyā bin al-Ḥusayn al-Mu`ayyid al-Yamanī. 1355H. *Anbā’ al-Zamān fī Akhbār al-Yaman*. Pentahkik Muḥammad bin ‘AbdulLāh Māḍī. t.tp: t.pn.